



## Kenyataan Akhbar

### Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN ke Sarawak 2016

Sarawak – Kini seramai 100 siswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta termasuk pelajar negara ASEAN sedang mengikuti Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN ke Sarawak selama dua minggu bermula 20 Feb lalu. Turut serta dalam misi dua minggu yang akan berakhir 7 Mac itu ialah pelajar Institut Pendidikan Guru (IPGM), Kolej Komuniti dan Politeknik. Sepanjang misi itu sukarelawan siswa melaksanakan pelbagai projek di Kampung Batang Maro, Batang Lupar dan Nanga Nyimoh serta Nanga Temalat masing-masing di Song, Sarawak. Pengerusi YSS, Dato' Zuraidah Atan menjelaskan kejayaan Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN sebelum ini mendorong YSS meneruskan misi berikutnya di Sarawak. Tahun lalu, YSS menjalankan Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN di Kampung Pandan, Bintulu, Sarawak.

Melalui Misi YSS-ASEAN, sukarelawan siswa membantu penduduk menerusi khidmat komuniti seperti pemasangan dan pembinaan projek penapis air bersih di kampung terbabit. Mereka juga akan membantu pembinaan pintu gerbang, membaik pulih laluan pejalan kaki masjid, membaiki sistem perpaipan, membaik pulih tandas dan tempat mandi serta pemindahan dan penyediaan tapak tangki air sekolah. Sukarelawan siswa juga akan mengadakan pelbagai aktiviti bersama-sama penduduk dan pelajar.

Selain itu, sukarelawan siswa akan melaksanakan program pembelajaran dan pengajaran di Sekolah Kebangsaan (SK) Batang Maro yang mempunyai 79 murid serta SK Nanga Nyimoh dan SK Nanga Temalat, masing-masing mempunyai 105 dan 102 murid. Sukarelawan siswa, bersama bersama masyarakat setempat akan melaksanakan program Bicara Siswa dan pengajaran Bahasa Inggeris serta program kesedaran kesihatan bagi manfaat penduduk di kampung itu yang

bergantung sepenuhnya kepada sektor pertanian, perikanan dan penternakan. Selaras dengan objektif YSS, Pengerusi YSS, Dato' Zuraidah berharap misi ini dapat melahirkan pemimpin sukarelawan siswa di pentas global di samping menggalakkan penglibatan siswa dan komuniti setempat dalam aktiviti kesukarelawan. Misi ini mampu melahirkan golongan mahasiswa yang progresif dan dinamik serta menjadi model kepada pelajar lain untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Misi ini juga bertujuan untuk mendedahkan sukarelawan siswa IPT untuk menjalankan program sukarelawan berdasarkan konsep "right volunteers for the right job". Selain itu, beliau juga mengucapkan jutaan terima kasih atas sumbangan dalam bentuk wang tunai dan barang dari para penaja seperti Yayasan Bank Rakyat, Bank Rakyat, Kenanga Islamic Investor Berhad, Nadi Ayu Technology dan ELS Language Centres bagi Misi Sukarelawan Siswa berimpak tinggi ini.

Melalui misi ini, sukarelawan siswa berpeluang mempelajari dan menghayati budaya, adat resam dan amalan yang berbeza daripada penduduk kampung tersebut. Mereka juga akan menjadi pendorong dan contoh ikutan kepada komuniti setempat untuk anak-anak di bangku sekolah menyambung pelajaran di peringkat pengajian tinggi kelak.

Terdahulu, pada 3 Mac ini, majlis penutupan di Batang Maro, Batang Lupar akan dirasmikan oleh YB Datuk Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Manakala, majlis rasmi di Nanga Temalat, Song akan dihadiri oleh YB Datuk Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah.

-TAMAT

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Cik Nur Fatin Anis Mohd Zuber (013-4667436) /  
[nurfatinanis@sukarelawansiswa.my](mailto:nurfatinanis@sukarelawansiswa.my)

atau

En. Mohamad Zulhilmy Abdul Manan (019-8175217) /  
[zulhilmymanan@sukarelawansiswa.my](mailto:zulhilmymanan@sukarelawansiswa.my)

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 5, No.2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 W.P. Putrajaya  
Tel : 03 - 88706846  
Faks : 03 - 88706878  
Laman web : [www.sukarelawansiswa.my](http://www.sukarelawansiswa.my)  
Facebook : [www.facebook.com/yayasansukarelawansiswa1](https://www.facebook.com/yayasansukarelawansiswa1)  
Twitter : [www.twitter.com/SukarelawanYSS](https://www.twitter.com/SukarelawanYSS)  
Instagram : [www.instagram.com/sukarelawansiswayss](https://www.instagram.com/sukarelawansiswayss)

## **MAKLUMAT RINGKAS YSS**

### Pernyataan Misi

“Menggalak, mendidik dan membimbing mahasiswa dalam sukarelawan untuk mempromosi keamanan dunia dan memupuk semangat setia kawan melalui perkhidmatan komuniti di dalam dan luar negara.”

### Pernyataan Visi

“Membangunkan Malaysia sebagai hab sukarelawan siswa dan melahirkan Ikon mahasiswa dalam bidang sukarelawan di pentas global.”

### Ringkasan Eksekutif

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan didaftarkan pada 24 Ogos 2011. Bagi melahirkan pelajar yang berdaya saing serta holistik dalam persaingan global, Kementerian Pendidikan Tinggi menubuhkan YAYASAN SUKARELAWAN SISWA (YSS). Usaha ini juga mempunyai matlamat antara lain bagi menanam semangat kesukarelawanan dan kesedaran sivik di kalangan pelajar IPT.

Objektif penubuhan YSS adalah seperti berikut:

- (i) Membantu masyarakat dunia yang memerlukan bantuan dan khidmat sukarelawan;
- (ii) Mempromosi persefahaman masyarakat dunia mengenai keamanan sejagat;
- (iii) Merealisasikan semangat keprihatinan pelajar terhadap kesejahteraan masyarakat dunia;
- (iv) Meletakkan pelajar Malaysia sebagai pemimpin sukarelawan di persada dunia;
- (v) Membina hubungan dan jaringan di peringkat antarabangsa;
- (vi) Memperkenalkan Malaysia sebagai hab pendidikan yang melahirkan sukarelawan global; dan
- (vii) Memberi kefahaman tentang sosiobudaya masyarakat Malaysia ke arah keamanan dunia.

Penubuhan YSS merupakan hasil perancangan teliti agensi Kerajaan, swasta dan negara-negara luar supaya program dapat dijalankan secara berterusan dengan membawa nilai murni masyarakat Malaysia untuk dikongsi bersama masyarakat dunia. Selain itu, YSS juga akan dapat merealisasikan hasrat mengantarabangsakan pelajar Malaysia ke luar negara melalui pelaksanaan pelbagai program kemanusiaan sejagat. Penglibatan pelajar dalam program-program YSS dapat melahirkan golongan pelajar yang progresif dan dinamik, menjadi idola kepada pelajar lain dan masyarakat, berkebolehan dan berkeupayaan tinggi dalam mengurus kepelbagaian serta berani mengambil risiko.

-----